

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. < No. Kontrak > yang dibuat antara Universiti Teknologi MARA, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Universiti") dan < Nama dan alamat Syarikat/ Kontraktor > (kemudian daripada dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/ menyerah/ melaksana/ menyiap < Butiran Tajuk Kontrak >, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Universiti ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Universiti seperti berikut:

1. Apabila Universiti membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Universiti nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit..... < Nilai Jaminan dalam Perkataan > (RM ..< Nilai Jaminan dalam Nombor >..) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Universiti di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Universiti berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit < Nilai Jaminan dalam Perkataan > (RM ..< Nilai Jaminan dalam Nombor >..) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Universiti jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Universiti sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga < Isikan Tarikh mati asal jaminan >(kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (Initial Expiry Date) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/ penyediaan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak

dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (Extended Expiry Date) apabila diminta oleh Universiti dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Universiti berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit < Nilai Jaminan dalam Perkataan > (RM ... < Nilai Jaminan dalam Nombor >...)

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) atau Tarikh Mati Lanjutan (Extended Expiry Date) melainkan jika sebelumnya Universiti telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan)
) Nama :
) Jawatan :
) Cap Bank/ Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans :

.....
(Saksi)
Nama :
Jawatan :
Cap Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Universiti Teknologi MARA di hadapan)
) Nama :
) Jawatan :

.....
(Saksi)
Nama :
Jawatan :